



PARA siswa dan siswi baru Universiti Malaysia Sabah melafazkan Ikral Aku Janji di hadapan Ketua Menteri Sabah ,Datuk Seri Musa Aman di Dewan Canselor UMS Kota Kinabalu baru-baru ini.

Yakin mampu jadi sebuah daripada enam universiti penyelidikan negara

Matlamat UMS menjelang 2015

Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA

utusansabah@utusan.com.my

Utm 05/10/2011 30

KOTA KINABALU 4 Okt. -

Universiti Malaysia Sabah (UMS) se-
dia membantu Kementerian Penga-
jian Tinggi (KPT) mencapai sasaran
sekurang-kurang enam universiti di
negara ini menjadi salah sebuah
universiti penyelidikan yang diik-
tirif dunia menjelang 2015.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, usaha bagi mencapai sasaran itu adalah tidak mustahil untuk dilaksanakan kerana UMS sendiri telah menunjukkan peningkatan dalam program penyelidikan menerusi ke-
jayaan meraih anugerah dalam pel-
bagai pertandingan di peringkat ke-

bangsaan dan antarabangsa.

"Kita sedang berusaha melang-
kah setapak demi setapak ke arah
pintu gerbang pengiktirafan sebagai
sebuah universiti penyelidikan di
negara ini.

"Jika kita lihat kedudukan 20
universiti teratas di seluruh dunia,
pendidikan bukanlah dimonopoli
oleh pihak tertentu sahaja, malah
sesiapa sahaja boleh cemerlang jika
ada kesanggupan untuk bekerja ker-
as menuntut ilmu.

"Antara kriteria yang diambil kira
oleh panel penilaian dalam mele-
takkan kedudukan universiti ini
adalah penilaian rakan sejawat
ataupun 'peer review', hasil penye-
lidikan yang dilaksanakan, prestasi
universiti seperti kadar bilangan pe-

lajar dengan kakitangan di samping
penilaian terhadap program peng-
antarabangsaan yang meliputi bi-
langan pelajar dan kakitangan aka-
demik dari luar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika
berucap pada majlis Ikrar Pelajar
Baru Pasca Siswazah dan Amanat
Naib Canselor Sesi 2011/2012 di De-
wan Canselor, baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Can-
selor (Akademik dan Antarabangsa)
Prof. Dr. Amran Ahmed; Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Ino-
vasi) Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah;
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr.
Kassim Md. Mansur dan Dekan Pusat
Pengajian Pascasiswazah, Prof. Ma-
dyia Datin Dr. Marian Abd. Latif.

Kamaruzaman berkata, jika di-
lihat pada era masa kini, ekonomi
negara sedang berubah ke arah eko-
nomi yang dipacu oleh sektor per-
khidmatan.

Justeru itu, beliau menyeru ke-
pada pusat pengajian pascasiswazah
supaya mempelbagaikan pro-
gram yang sesuai dengan kehendak
dan keperluan negara.

"Saya percaya, dengan adanya
program-program baru ini, ia secara
tidak langsung dapat meningkatkan
bilangan kemasukan pelajar di uni-
versiti ini. Selain itu, pusat penga-
jian pascasiswazah harus lebih
proaktif dalam mempromosikan
program-program yang ditawarkan
di dalam dan luar negara," ujarnya.

Menurut beliau, bidang pendi-

dikan merupakan satu daripada pe-
macu yang paling kritikal untuk
mentransformasikan negara dari-
pada berpendapatan sederhana ke-
pada berpendapatan tinggi kerana
impaknya yang besar ke atas pro-
duktiviti dan pembangunan modal
insan.

Beliau berkata, pendidikan juga
dengan sendirinya mampu menjadi
katalis pembangunan sesebuah ne-
gra.

Sebagai contohnya, katanya, sek-
tor pendidikan menyumbang kira-
kira RM27 bilion atau empat peratus
daripada Pendapatan Negara Kasar
(PNK) Malaysia iaitu sebanyak
RM23 bilion adalah daripada per-
khidmatan pembiayaan pendidikan
oleh kerajaan.